

## **KEJOHANAN SUKAN ANTARA STAF KAMPUS SHAH ALAM (SASSA)**

### **PERATURAN PERMAINAN PING PONG INDIVIDU**

#### **1.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF) dan Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Staf Kampus Shah Alam (SASSA) Universiti Teknologi MARA.

#### **2.0 JENIS PERTANDINGAN**

Bergu Lelaki Dan Bergu Wanita (Double)

#### **3.0 PENDAFTARAN PEMAIN / PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 3.1 Lelaki / Wanita  
Setiap Jabatan boleh mendaftar maksima 2 bergu lelaki / wanita.
- 3.2 Senarai pendaftaran pemain hendaklah diserahkan kepada Urusetia Pertandingan sebelum tarikh undian dijalankan.
- 3.3 Penambahan kepada senarai pemain tidak dibenarkan semasa atau selepas taklimat pengurus-pengurus pasukan.
- 3.4 Borang Pendaftaran Perlawanan yang mengandungi senarai nama pemain dan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan 15 minit sebelum permainan bermula.
- 3.5 Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS) tidak dibenarkan mengambil bahagian.

#### **4.0 UNDIAN**

Undian untuk perlawanan ini akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

## 5.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Semua pertandingan akan dijalankan secara liga dalam kumpulan dengan kiraan “Best of 3”. Untuk pusingan kedua dan seterusnya akan dijalankan secara kalah mati.
- 5.2 Johan dan Naib Johan setiap kumpulan layak untuk ke peringkat seterusnya.
- 5.3 Undian pusingan kalah singkir akan dijalankan sebaik tamat semua perlawanan peringkat kumpulan mengikut kategori.
- 5.4 Penentuan tempat ketiga akan dijalankan untuk menentukan pemenang.
- 5.5 Perlawanan separuh akhir, akhir dan penentuan tempat “Best of 5 sets”.
- 5.6 Cara memberi mata :

Menang	: 3 mata
Kalah	: 0 mata
- 5.7 Jika ada 2 beregu memperoleh mata yg sama, keputusan antara 2 beregu tersebut diambil kira (*head to head*).
- 5.8 Jika ada 3 beregu atau lebih mempunyai mata yg sama, kaedah dibawah digunakan melibatkan pasukan yg sama mata sahaja.
  - 5.6.1. Nisbah set menang dan set kalah
  - 5.6.2 Nisbah mata menang dan mata kalah
- 5.9 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut turutan perlawanan. Pemain perlu mengetahui nombor perlawanannya, tempat dan nombor gelanggang yang telah disediakan.
- 5.10 Pengadil akan disediakan dari peringkat awal hingga akhir.

## 6.0 PAKAIAN

- 6.1 Pakaian yang sesuai dengan permainan ping pong, T-Shirt berwarna putih adalah tidak dibenarkan kerana warna bola yang digunakan adalah putih.

## **7.0 MELAPOR DIRI / KELEWATAN**

- 7.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 7.2 Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 11-0,11-0 & 11-0. Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

## **8.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

- 8.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.